



**KERTAS UNTUK MAKLUMAN
MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM KALI KE-38**

**LAPORAN PENCAPAIAN OBJEKTIF KESELAMATAN MAKLUMAT
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC
27001:2013 TAHUN 2017**

1. TUJUAN

Kertas ini adalah untuk memaklumkan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Universiti Putra Malaysia Kali Ke-38 Universiti Putra Malaysia (UPM) berkaitan Laporan Pencapaian Objektif Keselamatan Maklumat, Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 tahun 2017 dan untuk mendapatkan persetujuan bagi penetapan objektif keselamatan maklumat beserta sasaran tahun 2018.

2. LATARBELAKANG

Pihak Pengurusan UPM telah menetapkan Objektif Keselamatan Maklumat yang bersesuaian dengan fungsi yang terlibat bagi memastikan semua data dan maklumat di UPM adalah selamat.

Pada tahun 2017, Objektif Keselamatan Maklumat telah disemak dan dikemaskini semula mengambilkira aktiviti perluasan skop ISMS yang melibatkan pihak UPM Kampus Bintulu (UPMKB) bagi skop pendaftaran pelajar baharu prasiswazah. Penetapan objektif ISMS yang baharu ini telah dikemaskini dalam Manual Kualiti Sistem Keselamatan Maklumat (UPM/ISMS/PGR/MP) dan telah dibawa untuk kelulusan bersama menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke - 33 (Khas) Secara Edaran yang diadakan pada 22 Mei 2017 dan telah dikuatkuasa bermula 26 Mei 2017. Perincian mengenai laporan pencapaian Objektif Keselamatan Maklumat yang baharu bagi tahun 2017 adalah seperti pada **Lampiran 1.**

3. CADANGAN OBJEKTIF KESELAMATAN MAKLUMAT TAHUN 2018

Objektif Keselamatan Maklumat sedia ada disemak semula mengambilkira aktiviti perluasan skop Penilaian Pengajaran pada tahun 2018. Draf awal cadangan objektif keselamatan maklumat bagi skop Penilaian Pengajaran sebelum ini telah dibawa untuk penelitian dan persetujuan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS Kali Ketujuh pada 2 Februari 2018. Cadangan Objektif Keselamatan Maklumat yang akan diukur pada tahun 2018 adalah seperti di **Lampiran 2.**

4. SYOR

Ahli mesyuarat diminta mengambil tindakan sepertimana berikut:

- i) mengambil maklum laporan pencapaian objektif keselamatan maklumat tahun 2017; dan
- ii) meluluskan penetapan objektif keselamatan maklumat serta sasaran bagi tahun 2018 mengambilkira aktiviti perluasan skop penilaian pengajaran.

Lampiran 1

LAPORAN PENCAPAIAN OBJEKTIF DAN SASARAN KESELAMATAN MAKLUMAT TAHUN 2017

| BIL | PENYATAAN OBJEKTIF ASAL | PENYATAAN OBJEKTIF BAHARU | SASARAN | PENERAJU | PENCAPAIAN (2017) |
|------------|---|---|--|---|---|
| 1. | Memastikan pelajar prasiswazah yang mendaftar mengemukakan tawaran yang sah | Memastikan pelajar prasiswazah yang mengemukakan tawaran yang sah dibenarkan mendaftar* | 100% | Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu) | 100% |
| 2. | Meningkatkan pembayaran yuran pengajian secara atas talian | Memastikan pembayaran yuran pengajian adalah secara atas talian* | 80% (UPM Serdang) 60% (UPM Bintulu) | Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu) | 100% (UPM Serdang) (3280 daripada 3280 pelajar program bacelor membayar yuran secara atas talian) 98% (UPM Bintulu) (45 daripada 46 pelajar program bacelor membayar yuran secara atas talian) |
| 3. | Memastikan proses pemulihan sistem aplikasi pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan | Tiada perubahan | ≤ 8 jam | Pasukan Pusat Data | Simulasi DRP Sistem SMP pada 12 Mei 2017 telah berjaya dilaksanakan pemulihan selepas 7 jam 40 minit |
| 4. | Memastikan <i>Service Level Agreement</i> (SLA) 95.0 sokongan ICT Pusat Data (rangkaian, sistem aplikasi dan pangkalan data) terhadap proses pendaftaran pelajar baharu bebas dari gangguan setiap semester | Tiada perubahan | 95% | Pasukan Pusat Data | 100% (berdasarkan Senarai Semak Pemantauan Berkala Pusat Data (UPM/ISMS/OPR/BR06/ Pemantauan Berkala) semasa hari pendaftaran pelajar baharu)) |

Nota: * Perubahan penyataan adalah berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS Kali Keenam pada 28 September 2017 dan hanya melibatkan penyusunan semula perkataan (reword) yang tidak memberi kesan kepada pengukuran sediaada.

Lampiran 2**CADANGAN PENETAPAN OBJEKTIF DAN SASARAN KESELAMATAN MAKLUMAT TAHUN 2018**

| BIL | PENYATAAN OBJEKTIF | SASARAN | PENERAJU | CATATAN |
|------------|--|--|---|---|
| 1. | Memastikan pelajar prasiswazah yang mengemukakan tawaran yang sah dibenarkan mendaftar | 100% | Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu) | Objektif Sedia ada. (Sasaran dikekalkan sebagaimana tahun sebelumnya) |
| 2. | Memastikan pembayaran yuran pengajian adalah secara atas talian | 98% (UPM Serdang) 75% (UPM Bintulu) | Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu) | Objektif Sedia ada (Bagi UPM Serdang, pindaan sasaran dari 80% kepada 98 dan bukannya 100% mengambilkira risiko pelajar tidak dapat membuat pembayaran secara <i>online</i> disebabkan oleh kemungkinan sistem perbankan tergendala pada tempoh yang ditetapkan. Manakala bagi UPM Bintulu pindaan sasaran dari 60% kepada 75% dan bukannya 100% mengambilkira faktor risiko adanya pelajar dari pendalaman yang tidak mempunyai akses internet dan perbankan untuk tujuan pembayaran secara <i>online</i>) |

| BIL | PENYATAAN OBJEKTIF | SASARAN | PENERAJU | CATATAN |
|-----|---|---------|------------------------------|---|
| 3. | Memastikan proses pemulihan sistem aplikasi pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan | ≤ 8 jam | Pasukan Pusat Data | Objektif Sedia ada. (Sasaran dikekalkan sebagaimana tahun sebelumnya) |
| 4. | Memastikan <i>Service Level Agreement</i> (SLA) 95.0 sokongan ICT Pusat Data (rangkaian, sistem aplikasi dan pangkalan data) terhadap proses pendaftaran pelajar baharu bebas dari gangguan setiap semester | 95% | Pasukan Pusat Data | Objektif Sedia ada. (Sasaran dikekalkan sebagaimana tahun sebelumnya) |
| 5. | Memastikan penilaian pengajaran setiap pelajar adalah rahsia | 100% | Pasukan Penilaian Pengajaran | Objektif Baharu |
| 6. | Memastikan pelajar yang membuat penilaian merupakan pelajar berdaftar dalam Sistem Maklumat Pelajar (eSMP) dan <i>Graduate Information Management System</i> (iGIMS) | 100% | Pasukan Penilaian Pengajaran | Objektif Baharu |